

FUNGSI PEMBANGUNAN

PROGRAM UTAMA LPP DALAM RMK-10

Tahun 2013 merupakan tahun ketiga pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Teras utama LPP adalah untuk memperkukuhkan pembangunan ekonomi dan sosial PP dan ahli serta menyumbang kepada peningkatan pengeluaran agro makanan negara.

Secara keseluruhannya, LPP dipertanggungjawab untuk melaksanakan 12 Program pada tahun 2013 dalam RMKe-10. Agihan peruntukan yang telah diluluskan sebanyak **RM43,976,500**.

RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH 2011-2015

Mengubah falsafah dan pendekatan kerajaan ke arah mentransformasikan Malaysia dengan metodologi Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)

Mewujudkan persekitaran kondusif bagi menggerakkan pertumbuhan ekonomi

Menuju ke arah pembangunan sosio-ekonomi secara inklusif

Membangunkan dan Mengekalkan modal insan bertaraf dunia

Mewujudkan persekitaran kondusif ke arah mempertingkatkan kualiti hidup

Senarai program pembangunan LPP tahun 2013.

